



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

DASAR BEKERJA DARI RUMAH (BDR)

BDR Dipertimbang Sempena Sidang Kemuncak ASEAN: Keutamaan Kerajaan MADANI Terhadap Kesejahteraan Pegawai Awam dan Kelangsungan Perkhidmatan

PUTRAJAYA, 7 Mei 2025 – Seiring komitmen Kerajaan MADANI dalam memperkukuh kesejahteraan rakyat dan kelangsungan perkhidmatan awam, **Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR)** bagi pegawai awam akan terus dilaksanakan secara fleksibel tertakluk kepada peraturan yang sedang berkuat kuasa.

Dasar ini, yang diperuntukkan melalui **Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM)**, **Ceraian SR.4.1.2**, bertujuan mewujudkan keseimbangan antara keperluan agensi dalam memastikan kesinambungan tugas dan keperluan pegawai dari segi kesejahteraan serta keharmonian kerja-kehidupan (*work life balance*).

Selaras dengan pendekatan ini, **Ketua Jabatan diberi kuasa untuk mempertimbangkan permohonan BDR bagi pegawai yang mungkin terkesan dengan kesesakan aliran trafik** sempena pelaksanaan **Sidang Kemuncak ASEAN** yang dijadual berlangsung pada **bulan Mei tahun ini**.

Langkah ini merupakan antara **inisiatif Kerajaan MADANI** dalam mengutamakan **tadbir urus berdaya tahan dan prihatin**, selaras dengan nilai-nilai teras MADANI seperti kesejahteraan, ihsan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam.

Pegawai awam yang layak disaran berhubung dengan Ketua Jabatan masing-masing untuk pertimbangan sewajarnya. Pelaksanaan dasar ini hendaklah berpandukan tatacara dan syarat yang telah digariskan dalam MyPPSM.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 7 Mei 2025
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (9)